

Kerajaan setuju pinda undang-undang jadikan koperasi entiti perniagaan

Nasional 3



BH Sabtu, 27 Julai 2024

Nasional

3

Kerajaan sedia pinda akta jadikan koperasi entiti perniagaan

Jabatan Peguam Negara sedang siapkan draf cadangan sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan secara dasarnya bersetuju untuk meminda beberapa peruntukan undang-undang dalam usaha menjadikan koperasi sebagai entiti perniagaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata draf cadangan pindaan undang-undang itu sedang disiapkan Jabatan Peguam Negara sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

"Soal undang-undang, Datuk Ewon (Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick) beritahu, sudah ada kerangka awal.

"Dalam tempoh dua bulan akan datang, apabila disiapkan oleh Jabatan Peguam Negara, dibawa ke Jemaah Menteri untuk diluluskan. Saya percaya, melihat prestasi mereka, (pindaan) itu boleh disegerakan," katanya, di sini semalam.

Anwar yang ditemui pemberita pada Majlis Penutupan Kongres Koperasi Kebangsaan 2024, turut mengumumkan peruntukan RM6 juta kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) yang diselaras menerusi dana beberapa kementerian dan agensi.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk R Ramanan.

Syor pindaan kepada undang-undang itu antara resolusi dipersetujui Kongres Koperasi Kebangsaan 2024. Ia dibangkitkan kerana beberapa akta sedia ada dilihat menganggang gerakan koperasi dalam menjalankan perniagaannya.

Sebelum ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mengadakan libat urus bagi meminda Akta Koperasi 1993 (Akta 502),

manakala gerakan koperasi menuntut kerajaan meminda beberapa akta lain berkait kesihatan dan pelancongan.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata koperasi adalah satu asas serta tonggak penting kepada pertumbuhan ekonomi rakyat dan antara wahana penting dalam penyertaan rakyat yang luas.

"Kalau kita betul-betul serius, ada KUSKOP yang beri tumpuan, tetapi gerakan koperasi tak boleh bangkit hanya melalui satu kementerian. Ini dasar negara, Ekonomi MADANI menuntut seluruh jentera kerajaan beri tumpuan dan perhatian kepada gerakan koperasi," katanya.

Anwar juga mahu gerakan koperasi menunjukkan prestasi cemerlang, khususnya dalam pengurusan dan tatakelola bagi mengelak perniagaan mereka kecundang.

"Syarat-syaratnya mesti ketat, pengurusannya, tatakelola kerana sementara ANGKASA dapat pertahankan kewujudannya, banyak juga koperasi yang kecundang kerana pengurusannya lemah. Maka kita akan bantu dalam semua aspek.

"Kita ada Kementerian Digital, kita mahu kementerian ini memerhati. Salah satu fokusnya adalah program digital ANGKASA dan koperasi. Kita ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada peruntukan untuk Kedai Rahmah, saya juga mahu sebahagian peruntukan itu, bermula RM2 juta disalurkan melalui ANGKASA," katanya.

Gerakan koperasi negara dilaporkan mencatatkan perolehan mencecah RM64 bilion tahun lalu, melebihi sasaran RM60 bilion ditetapkan pada 2025 dalam Dasar Koperasi Malaysia 2030, bagi memetakan hala tuju gerakan koperasi sehingga 2030.

NCCIM terima RM1 juta

Sementara itu, Anwar ketika berucap pada sambutan ulang tahun Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) ke-62, di sini kelmarin, meminta sektor swasta bekerja sebagai satu pasukan dengan kerajaan.

Beliau yang turut mengumumkan peruntukan RM1 juta kepada NCCIM bagi menghargai sumbangan organisasi itu

dalam menggalakkan kemasukan pelaburan asing, berkata kedua-dua sektor memainkan peranan aktif membantu mempercepatkan kejayaan negara dalam aspek ekonomi dan pelaburan.

Tambahnya, walaupun Malaysia pernah 'kehilangan masa' sebelum ini, negara mempunyai keupayaan dan sumber dalam meletakkan ekonomi pada landasan sebenar.

Pada masa sama, Anwar mengingatkan, semua pihak tidak boleh leka dengan kestabilan politik yang wujud ketika ini, sebaliknya kestabilan itu perlu digunakan untuk perubahan.

"Antaranya reformasi institusi, termasuk melaksanakan dasar tidak popular yang mana ia penting untuk memastikan kejayaan negara. Dasar tidak popular itu termasuk (penyelarasan) tarif elektrik dan rasionalisasi (subsidi diesel), tetapi ia perlu dilakukan.

"Rasionalisasi itu baik untuk ekonomi, namun sukar dari aspek politik, tetapi untuk menyelamatkan negara daripada ketirisan yang menyebabkan kehilangan berbilion ringgit, kita perlu melakukannya," katanya.